

# UMP jalin kerjasama dengan 6 universiti luar negara

*"Bentuk-bentuk kerjasama yang dijalinakan adalah dari segi keperluan Profesor Pelawat, Penasihat Luar dalam urusan akademik, pertukaran pelajar dari aspek Latihan Industri, pemindahan kredit dan pertukaran budaya serta pertukaran staf akademik."*



Universiti Malaysia Pahang (UMP) sekali lagi mencatat sejarah apabila memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan enam institut pengajian tinggi (IPT) luar negara.

MoU itu merupakan salah satu aktiviti pengantarabangsaan yang merupakan agenda penting yang terkandung di dalam Pelan Strategik Universiti Malaysia Pahang 2008-2010.

"Susulan daripada beberapa siri lawatan kerja yang diadakan pada tahun 2008, kita telah berjaya mencapai kata sepakat dengan enam universiti tersebut," ujar Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, ketika berucap di Majlis Menandatangani MoU yang diadakan di Hotel Hyatt Regency, Kuantan pada 23 Januari 2009 yang lalu.

Beliau menambah, pengantarabangsaan sesebuah institusi pengajian tinggi adalah amat penting dalam merencana hala tuju sesebuah universiti ke arah universiti bertaraf dunia.

"Untuk itu, katanya, kerjasama ini dianggap sebagai langkah awal UMP untuk memartabatkan lagi kecemerlangan pendidikan dalam usaha menjadikan UMP sebagai hub pendidikan serantau.

Daing Nasir berkata, menerusi persefahaman tersebut kedua-dua belah pihak antara lain menjalinkan kerjasama dalam bentuk akademik dan penyelidikan.

"Bentuk-bentuk kerjasama yang dijalinakan adalah dari segi keperluan Profesor Pelawat, Penasihat Luar dalam

urusan akademik, pertukaran pelajar dari aspek Latihan Industri, pemindahan kredit dan pertukaran budaya serta pertukaran staf akademik.

"Selain itu, bentuk-bentuk kerjasama ini juga dapat melahirkan graduan-graduan yang lebih kompeten dan berdaya saing di dalam pelbagai aspek.

"UMP turut boleh berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam pelbagai bidang kepakaran yang akan menguntungkan kedua-dua belah pihak," katanya. Dalam majlis tersebut, UMP telah memeterai MoU dengan dua universiti dari Mesir iaitu Alexandria University dan MISR University of Science & Technology.

Selebihnya adalah empat institut pengajian tinggi dari Ireland iaitu Dundalk Institute of Technology, Athlone Institute of Technology, Institute of Technology Tallaght dan Institut of Technology Carlow.

Majlis bersejarah itu disaksikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Yang Hormat Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib.

UMP diwakili oleh Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, manakala Alexandria University diwakili oleh Profesor Dr. Essam Ahmed Elkordi dan Profesor Dr. Mohammed Rizk.

MISR University of Science & Technology pula diwakili oleh Khaled M.Althoukhy dan untuk Dundalk Institute of Technology, Athlone Institute of Technology, Institute of Technology Tallaght diwakili oleh Dermot Douglas dan Pat Coman. Manakala Institut of Technology Carlow pula diwakili oleh David Deniffe.